Menurut Shahir, S. (2007) lagi, penuaan penduduk akan menimbulkan keperluan kewangan yang lebih tinggi di hari tua. Sekiranya warga tua yang terlibat tidak mempunyai simpanan atau pencen untuk menyara kehidupan hari tua mereka,

kaum keluarga mereka perlu membantu mereka. Jika kaum keluarga pula tidak mampu berbuat demikian, mereka akhirnya akan memohon bantuan daripada kerajaan. Ini bermakna kerajaan terpaksa mengutip lebih banyak cukai daripada pembayar cukai untuk memberi bantuan bagi mengelakkan kemiskinan di kalangan warga tua.

Dari segi fizikal pula, warga tua mengalami masalah kesukaran untuk menjaga diri sendiri. Golongan ini sentiasa memerlukan bantuan daripada pihak ketiga untuk melakukan aktiviti fizikal seperti bangun, duduk, berjalan, mandi mahupun makan. Keadaan diri yang lemah dan tidak bermaya ini menimbulkan rasa gentar dan takut di kalangan warga tua untuk keluar dari bilik mereka. Pada kebiasannya, warga tua akan berkelakuan seperti anak-anak kecil kerana daya fikiran mereka akan menjadi lembap dan lemah.

Tamadun manusia walau apa pun agamanya, meletakkan kedudukan orang yang lebih tua pada tahap yang tinggi terutamanya kedua-dua ibu-bapa. Tetapi tamadun seperti itu semakin hari semakin ditelan arus pembangunan. Pada masa kini, anak-anak yang sudah berkeluarga bukan sahaja tidak lagi berminat untuk tinggal dengan ibu bapa malahan tidak menghiraukan langsung kebajikan kedua-dua ibu bapanya.

Faktor yang lain yang menyebabkan anak-anak mengabaikan ibu bapa mereka sehinggakan sanggup menghantar mereka ke rumah warga tua atau membiarkan mereka tinggal bersendirian adalah kecacatan, nyanyuk, tidak bersefahaman antara anak atau menantu dengan ibu bapa, kesibukan anak dengan tugas seharian dan masalah kewangan yang dihadapi.

Tidak sewajarnya kita meletakkan ibu bapa kita di rumah rumah warga tua kerana ia bermakna menderhaka dan mengabaikan tanggungjawab kita sebagai seorang anak. Mereka juga memerlukan kasih sayang dan perhatian dari kita seperti mana kita memerlukan ibu bapa kita sewaktu kita masih kanak-kanak. Anak-anak harus bijak mengatur jadual harian untuk mengelakkan daripada meletakkan ibu bapa mereka di rumah kebajikan.

Seumpamanya jika ibu bapa mereka mempunyai bilangan anak yang ramai, mereka boleh bergilir-gilir menjaga ibu bapa mereka. Anak-anak mereka juga boleh menggajikan pembantu rumah untuk menjaga ibu bapa mereka jika mereka bertugas. Perkara ini lebih baik daripada menghantar ibu bapa mereka ke rumah warga tua

yang jauh dari pertalian keluarga. Sebenarnya perbelanjaan di rumah warga tua tiada bezanya jika dibandingkan dengan menggajikan pembantu rumah.

Dari satu aspek yang lain, punca pengabaian warga tua juga mungkin disebabkan oleh tindakan ibu bapa itu sendiri. Pengabaian terhadap kedua ibu bapa juga mungkin disebabkan oleh pengalaman anak-anak itu sendiri di alam kanak-kanak. Mungkin semasa mereka kecil, kedua ibu bapa mereka bersifat bengis, suka mendera sama ada dari segi aspek fizikal atau mental, ditambah pula dengan kurangnya pendidikan agama. Maka, anak-anak bertindak balas dan menyimpan perasaan untuk membalas dendam terhadap kedua ibu bapanya yang dianggap kejam itu.

Oleh itu, salah satu cara untuk memuaskan hati ialah dengan mengabaikan kebajikan dan kesihatan kedua ibu bapa setelah mereka uzur dan tidak berupaya sebagaimana yang dialami oleh anak-anak mereka dahulu. Perasaan dendam terhadap ibu bapa seharusnya dilupuskan kerana pintu kemaafan itu terletak di telapak kaki ibu dan ayah. Ada di antara anak-anak yang mendakwa menghantar ibu bapa ke rumah kebajikan bagi memastikan mereka mendapat layanan sempurna seperti makan dan minum terus kerana anak sendiri tidak mempunyai banyak masa berbuat demikian. Tidak kurangnya juga terdapat anak-anak yang menghantar ibu bapa ke rumah kebajikan kerana tidak berdaya untuk merawat atau menjaga mereka yang sakit. Dengan menghantar ke rumah warga tua, masalah kesihatan ibu bapa akan dijaga dengan baik. Sememangnya niat anak-anak adalah baik tetapi mereka perlulah menyemak fasiliti yang disediakan untuk warga tua di rumah kebajikan tersebut.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Daripada pernyataan masalah, timbul dua persoalan iaitu:

- i. Sejauh manakah penyediaan fasiliti untuk warga tua yang sediada di rumah warga tua?
- ii. Apakah pandangan penghuni semasa berada di rumah warga tua?

- iii. Apakah perbezaan fasiliti yang disediakan di rumah warga tua di Ipoh dan Johor Bahru?

#### **1.4 Objektif**

Selaras dengan persoalan kajian, objektif kajian yang diutarakan dalam kajian adalah untuk:


- i) Mengkaji penyediaan fasiliti untuk warga tua di rumah warga tua.
- ii) Mengkaji pandangan penghuni semasa berada di rumah warga tua.
- iii) Mengkaji perbandingan jenis fasiliti yang disediakan untuk warga tua di rumah warga tua di Ipoh dan Johor Bahru.

#### **1.5 Skop Kajian**

Kajian ini telah dijalankan di Bandaraya Ipoh dan Bandaraya Johor Bahru iaitu di sebuah rumah warga tua yang dikelolakan oleh pihak kerajaan dan sebuah rumah warga tua yang dikelolakan oleh pihak swasta di kedua-dua buah negeri. Kajian ini tertumpu kepada sistem kemudahan khas di dalam dan di luar bangunan rumah warga tua dan data yang diperolehi akan dibandingkan antara dua buah negeri yang berbeza. Bandaraya Ipoh dipilih kerana kawasan ini merupakan kawasan bandaraya bagi Negeri Perak. Selain itu, kawasan ini merupakan satu-satunya kawasan yang mempunyai bilangan penduduk yang ramai. Perangkaan jumlah penduduk mengikut kawasan di Perak ditunjukkan dalam Jadual 1.5. Data yang lebih jelas ditunjukkan di Rajah 1.3.

Jadual 1.5: Jumlah penduduk negeri Perak mengikut kumpulan umur, kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan negeri, Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010)

Kumpulan Umur	Daerah Pentadbiran										Jumlah
	Batang Padang	Manjung	Kinta	Kerian	Kuala Kangsar	Larut dan Matang	Hilir Perak	Ulu Perak	Perak Tengah	Kampar	
0-4	12,619	20,101	46,511	13,831	11,055	21,412	13,697	8,576	7,215	5,539	160,556
5-9	16,984	23,340	61,790	20,015	15,364	33,014	19,964	10,353	9,612	7,099	217,535
10-14	16,450	23,183	69,765	19,828	16,440	38,007	21,248	10,289	10,697	8,612	234,519
15-19	18,103	21,217	73,817	18,520	15,785	32,903	20,055	9,557	15,769	12,666	238,392
20-24	18,843	20,282	66,305	15,351	11,597	27,601	17,237	7,235	12,083	12,035	208,569
25-29	13,983	18,455	53,403	10,756	9,239	20,080	13,295	5,966	5,897	4,771	155,845
30-34	10,845	15,491	49,330	10,234	8,533	18,744	12,049	5,048	5,197	5,100	140,571
35-39	9,063	14,220	50,153	10,048	8,361	18,073	11,607	4,814	4,935	4,913	136,187
40-44	9,553	13,672	53,101	10,800	9,384	19,260	12,441	4,955	4,834	5,496	143,496
45-49	10,002	13,129	49,294	10,215	9,779	21,043	12,469	5,178	5,094	5,590	141,793
50-54	10,128	12,194	45,587	9,162	9,671	19,350	12,426	5,004	4,342	5,730	133,594
55-59	8,645	10,293	38,852	7,889	8,260	17,596	10,595	3,897	3,693	4,799	114,519
60-64	7,148	7,758	32,817	7,730	6,792	13,654	9,119	3,097	3,107	4,584	95,806
65-69	4,719	5,010	22,192	4,723	4,794	9,329	5,780	2,181	2,246	3,219	64,193
70-74	3,659	4,258	17,412	3,704	5,158	7,689	4,847	1,831	2,589	2,973	54,120
75 dan keatas	4,574	4,468	19,145	4,169	5,380	8,721	5,764	1,945	2,544	3,177	59,887
<b>Jumlah</b>	<b>175,318</b>	<b>227,071</b>	<b>749,474</b>	<b>176,975</b>	<b>155,592</b>	<b>326,476</b>	<b>202,593</b>	<b>89,926</b>	<b>99,854</b>	<b>96,303</b>	<b>2,299,582</b>




Rajah 1.3: Penduduk di daerah pentadbiran Perak, 2010

Bandaraya Johor Bahru dipilih kerana kawasan ini merupakan kawasan bandaraya bagi Negeri Johor. Selain itu, kawasan ini merupakan satu-satunya kawasan yang mempunyai bilangan penduduk yang ramai. Perangkaan jumlah penduduk mengikut kawasan di Johor ditunjukkan dalam Jadual 1.6. Data yang lebih jelas ditunjukkan di Rajah 1.4.

Jadual 1.6: Jumlah penduduk negeri Johor mengikut kumpulan umur, kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan negeri, Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010)

Kumpulan Umur	Daerah Pentadbiran											Jumlah
	Batu Pahat	Yong Peng	Johor Bahru	Kluang	Kota Tinggi	Mersing	Muar	Pontian	Segamat	Kulai Jaya	Ledang	
0-4	15,186	4,283	86,890	215,416	7,074	2,977	14,176	7,158	9,648	20,129	10,161	393,098
5-9	20,541	5,504	94,687	17,019	8,342	3,521	18,322	8,530	11,330	22,950	13,259	224,005
10-14	20,161	6,240	94,284	18,822	8,518	3,417	20,991	9,349	13,473	22,479	13,707	231,441
15-19	19,157	5,085	84,894	21,526	8,542	3,283	18,204	9,920	16,097	22,423	14,122	223,253
20-24	23,304	4,247	114,707	17,760	7,859	2,719	17,203	7,677	11,034	32,453	9,773	248,736
25-29	16,835	3,960	124,949	17,702	7,505	2,361	15,142	7,529	9,453	25,205	10,304	240,945
30-34	14,102	3,125	98,605	14,659	6,197	2,009	12,692	5,921	7,693	20,857	7,656	193,516
35-39	13,070	3,430	83,325	14,861	5,572	1,938	12,997	5,718	8,322	18,214	7,369	174,816
40-44	13,239	3,502	70,769	14,118	5,564	2,311	12,720	5,906	8,226	15,600	8,733	160,688
45-49	13,036	3,690	61,234	13,765	5,065	2,155	12,889	5,579	8,561	12,580	7,764	146,318
50-54	10,938	2,975	48,185	12,770	4,462	2,239	11,724	4,922	8,514	9,750	7,204	123,683
55-59	9,015	2,177	34,958	10,234	3,357	1,445	9,963	4,321	7,185	7,038	6,062	95,755
60-64	7,369	1,729	24,875	7,923	2,596	1,096	7,700	3,691	5,496	5,681	5,004	73,160
65-69	4,919	1,149	15,508	5,308	1,595	894	5,637	2,676	4,102	3,440	3,554	48,782
70-74	3,705	1,060	10,637	4,124	1,296	653	4,817	2,046	3,049	2,855	3,238	37,480
75 dan keatas	4,884	1,067	13,443	4,356	1,427	723	5,971	2,708	3,392	3,640	3,980	45,591
<b>Jumlah</b>	209,461	53,223	<b>1,061,950</b>	410,363	84,971	33,741	201,148	93,651	135,575	245,294	131,890	2,661,267



Rajah 1.4: Penduduk mengikut kumpulan umur dan daerah pentadbiran Johor, 2010

- Seramai 410 orang responden telah dipilih secara rawak untuk membantu dalam kajian ini. Respondennya terdiri daripada warga tua dan orang papa di sekitar rumah seri kenangan warga tua di Bandaraya Ipoh dan Bandaraya Johor Bahru. Menurut Jabatan Kebajikan Malaysia, 2008, warga tua yang dimaksudkan adalah mereka yang daif dan berusia 60 tahun ke atas. Manakala orang papa pula didefinisikan sebagai orang yang mengemis dan mengganggu di tempat awam tetapi golongan ini bukan merupakan pesakit mental.

Peninjauan mengenai penyediaan fasiliti warga tua dilakukan dengan menggunakan metodologi kajian seperti pemerhatian, audit dan kaedah temu bual. Instrumen borang soal selidik pula digunakan untuk menjawab objektif kedua dan ketiga iaitu mengkaji pandangan penghuni semasa berada di rumah warga tua dan mengkaji perbandingan jenis fasiliti yang disediakan untuk warga tua di Bandaraya Ipoh dan Bandaraya Johor Bahru.

## 1.6 Kepentingan Kajian



Jabatan Kebajikan Malaysia boleh menggunakan kajian ini untuk mengetahui masalah yang dihadapi oleh penghuni dan pengurus di rumah kebajikan warga tua di lokasi kajian. Seterusnya jabatan kebajikan boleh memperkenalkan piawaian atau *standard* yang perlu digunapakai oleh semua rumah kebajikan warga tua di Malaysia untuk mewujudkan aksesibiliti fasiliti oleh semua pengurus dan pengguna rumah warga tua sama ada yang dikelolakan oleh pihak kerajaan ataupun swasta. Pihak pereka bentuk bangunan juga boleh mereka bentuk bangunan yang sesuai digunakan oleh warga tua mengikut keupayaan fizikal, mental dan kesihatan serta menepati prinsip-prinsip yang telah disarankan dalam Dasar Warga Tua Negara.

### 1.7 Organisasi Tesis

Bab 1 adalah bab pengenalan. Dalam bab ini, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, warga tua dan orang awam dikaji. Rumusan untuk bab ini juga turut disertakan.

Bab 2 pula mengenai kajian perpustakaan atau kajian literatur. Dalam bab ini, maklumat mengenai tajuk ini akan dikaji daripada buku, jurnal, kertas seminar, tesis, surat khabar, rencana, artikel, media elektronik seperti internet dan sebagainya. Hasil pembacaan diolah semula.

Bab 3 ialah menghuraikan mengenai metodologi atau kaedah kajian. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah pemerhatian, pengauditan, pengedaran borang soal selidik dan temu bual pihak yang berkenaan. Pesampelan kajian juga ditentukan.

Bab 4, 5 dan 6 adalah mengenai hasil kajian objektif satu, dua dan ketiga. Hasil data yang diterima dianalisa dan dibuat perbandingan untuk mendapatkan keputusan yang jitu dan tepat.

Bab 7 pula menerangkan mengenai perbincangan dan cadangan pengkaji. Hasil kajian dibincangkan secara menyeluruh dan cadangan untuk menyelesaikan isu yang dikaji turut disertakan. Cadangan ini boleh digunapakai oleh pihak yang berkenaan kelak.

## **1.8 Rumusan**

Kesimpulannya, hasil kajian ini dapat digunakan dalam penyediaan fasiliti yang sesuai untuk warga tua di rumah warga tua. Kajian ini diharapkan akan mencari jalan penyelesaian kepada isu pengabaian fasiliti di rumah warga tua yang sering diperkatakan sejak akhir-akhir ini.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB II

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Dalam bab 2 ini, perkara yang dibincangkan adalah berdasarkan kerangka teori yang dibentuk. Perkara yang diketengahkan adalah isu penuaan, permasalahan di rumah orang tua, cara mengatasi dan apa yang hendak dicapai di akhir kajian.

#### 2.2 Definisi dan Konsep

Tujuan definisi dibuat adalah untuk memudahkan kajian dilakukan serta pembaca memahami perkara yang akan dikaji dalam kajian ini. Definisi adalah sangat penting supaya ianya menepati kehendak tajuk kajian.

##### 2.2.1 Pengurusan Fasiliti

Dengan melihat pada definisi yang telah dihasilkan dalam amalan sebelum ini, usaha untuk mentakrifkan pengurusan fasiliti di Malaysia tidak boleh lari dari permulaan. *International Facility Management Association, IFMA* (2011) mentakrifkan pengurusan fasiliti sebagai profesion yang merangkumi pelbagai disiplin untuk

memastikan fungsi alam bina dibina dengan mengintegrasikan orang, tempat, proses dan teknologi. Orang bermakna pekerja, pengguna, pelanggan dalaman dan luaran serta pelawat. Tempat kerja meliputi semua unsur-unsur fizikal dan bukan fizikal bangunan atau premis. Menurut *British Institute of Facilities Management, BIFM* (2011), pengurusan fasiliti dikelaskan sebagai koleksi aktiviti-aktiviti dalam membangunkan pelbagai disiplin dan menguruskan alam bina yang memberi kesan kepada rakyat dan tempat-tempat kerja. Jadual 2.1 menunjukkan pelbagai definisi yang diberikan oleh pengarang dan penyelidik terkemuka yang lain.

Jadual 2.1: Pelbagai definisi pengurusan fasiliti

Pengarang (Tahun)	Definisi Pengurusan Fasiliti
Qiyang, C. & Norcio, A.F., (1991)	Pengurusan fasiliti termasuk pengurusan kewangan, pengurusan ruang, pengurusan operasi dan pengurusan pengguna bagi sesebuah organisasi.
Cotts, D. G & Lee, M., (1992)	Pengurusan fasiliti juga boleh didefinisikan sebagai suatu bidang yang bertanggungjawab dalam menyelia usaha-usaha yang berkaitan dengan perancangan, kerja-kerja reka bentuk dan mengurus sistem dalam bangunan, peralatan dan perabot bagi meningkatkan kemampuan organisasi dalam merealisasikan kejayaan di dalam dunia yang semakin berubah ini.
Centre for Facilities Management, <i>CFM</i> (1996)	Pengurusan fasiliti sebagai proses oleh pertubuhan-pertubuhan yang menyediakan dan mengekalkan perkhidmatan sokongan yang berkualiti untuk mencapai matlamat organisasi di mana kos efektif.
Hans Brat, J.M. (1996)	Pengurusan fasiliti seperti pengurusan dan pelaksanaan perumahan, perkhidmatan dan lain-lain yang menyumbang kepada prestasi yang lebih baik daripada proses awal dalam perubahan persekitaran.
Syed, A.H. & Hamidah, A. (2008)	Pengurusan fasiliti merupakan satu pendekatan bersepadu bagi mengoperasikan, mengekalkan, memperbaiki dan menyesuaikan bangunan-bangunan dan infrastruktur sesebuah organisasi untuk mewujudkan persekitaran yang menyokong objektif utama organisasi.
Kamaruzzam, S.N. & Zawawi, M. A. (2010)	Pengurusan fasiliti adalah keseimbangan antara teknikal dan pengurusan perniagaan yang boleh dikaitkan dengan proses membuat keputusan strategik.
Frans van Eersel (2011)	Pengurusan kemudahan integrasi proses dalam sesebuah organisasi untuk mengekalkan dan membangunkan perkhidmatan-perkhidmatan yang dipersetujui dimana ianya boleh menyokong dan meningkatkan keberkesanan aktiviti utamanya.
Mariah, A. <i>et al</i> (2011)	Pengurusan fasiliti adalah pengurusan luar syarikat perkhidmatan yang tidak terhad kepada aktiviti perniagaan utama tetapi juga untuk membina pengurusan, data pengurusan, katering, keselamatan dan pendedaran.

### 2.2.2 Fasiliti

Secara umumnya, fasiliti dikenali sebagai kemudahan awam. Ia menggambarkan kemudahan fizikal dan perkhidmatan yang disediakan bagi sesuatu kawasan. Dalam

kajian ini, kawasan merujuk kepada rumah kebajikan yang khususnya untuk warga tua.

Fasiliti merupakan sesuatu yang direka, dibina, dipasang dan lain-lain untuk menyampaikan suatu fungsi tertentu yang memberi kemudahan atau perkhidmatan seperti kemudahan pengangkutan, kemudahan pendidikan dan kemudahan penyelidikan yang baru. Fasiliti merupakan sesuatu yang membenarkan prestasi sesuatu tindakan yang lebih mudah untuk menyediakan seseorang dengan setiap kemudahan untuk mencapai sesuatu tugas. Kemudahan apa-apa kualiti atau keadaan sesuatu tempat atau kawasan yang telah menyebabkan kawasan itu menjadi seronok, harmoni dan menikmati yang lebih baik (Malaysia, 1976).

### 2.2.3 Aksesibiliti

Harris, B. (2011) mentakrifkan akses sebagai kata nama seperti mana perkataan lain. Aksesibiliti adalah ukuran yang memudahkan akses. Secara umumnya, akses adalah simetri iaitu jika A mempunyai akses kepada B, maka B mempunyai akses kepada A. Walau bagaimanapun ukuran mungkin tidak simetri. Aksesibiliti juga membawa maksud pergerakan tanpa sebarang halangan seperti kemasian lantai atau perabot jalan. Menurut *British Standard*, BS8300:2009 akses merupakan pendekatan, kemasukan, peredaran dalaman atau luaran termasuk dalam kes-kes kecemasan. Aksesibiliti adalah kemudahan yang boleh diakses dan digunakan oleh orang kurang upaya.

### 2.2.4 Penyediaan Fasiliti

Dalam kajian ini, penyediaan fasiliti boleh didefinisikan sebagai penyediaan fasiliti atau kemudahan tanpa halangan (*barrier free facilities*) di rumah warga tua yang boleh diakses oleh penghuninya atau orang lain pada bila-bila masa. Secara tidak langsung, penyediaan fasiliti boleh menghasilkan persekitaran tanpa halangan (*barrier-free environment*) untuk membolehkan penghuni di rumah warga tua untuk

hidup berdikari. Definisi ini dibentuk berdasarkan definisi pengurusan fasiliti, fasiliti dan aksesibiliti.

### **2.2.5 Rumah Warga Tua**

Rumah warga tua adalah sebuah institusi kebajikan yang memberi penjagaan dan perlindungan penuh kepada warga tua yang tidak mempunyai pendapatan untuk menampung kehidupan sendiri oleh sebab tidak berkemampuan dari segi fizikal dan kewangan, tidak mempunyai tempat tinggal, tidak mempunyai anak yang sanggup menyumbang nafkah hidup kepadanya atau kerap kali menjadi punca perselisihan tanggapan dan menjejaskan keharmonian serta kesejahteraan keluarga. Jabatan kebajikan menawarkan tempat tidur yang selesa kepada penghuni agar penghuni yang tinggal di institusi tersebut merasa seperti rumah mereka sendiri dengan adanya kakitangan yang mesra (Jabatan Kebajikan Perkhidmatan Am Sabah, 2011).

### **2.2.6 Warga Tua**

Warga tua adalah mereka yang berumur 60 tahun ke atas (*World Assembly On Ageing*, 1982). Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak dalam Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara (1999) pula, golongan warga tua didefinisikan sebagai golongan yang telah meningkat usia 60 tahun dan ke atas dan golongan ini juga dikatakan sebagai golongan orang kurang upaya (OKU). Warga tua ditakrifkan sebagai mereka yang berumur 65 tahun (*World Health Organization*, 2008). Pakar gerontologi pula mentakrifkan warga tua kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama terdiri daripada mereka berumur 65 hingga 74 tahun iaitu pada peringkat umur tua awal. Manakala kategori yang kedua ialah peringkat umur tua akhir iaitu mereka yang berusia 75 tahun ke atas.

Kerajaan Malaysia mentakrifkan warga tua sebagai mereka yang berumur 60 tahun ke atas. Takrifan 60 tahun ke atas oleh kerajaan ini adalah lebih rendah daripada apa yang ditetapkan oleh WHO (*World Health Organization*) iaitu 65 tahun.

Kerajaan menggunakan had umur yang lebih rendah kerana mahu merangkumkan jumlah yang lebih besar selaras dengan dasar keperihatinan kerajaan. Oleh sebab kemajuan yang telah dikecapi oleh negara kita, jumlah warga tua adalah semakin meningkat kerana jangka hayat penduduk tua semakin tinggi. Ini disebabkan oleh kemudahan-kemudahan kesihatan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan.

### **2.2.7 Proses Penuaan**

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (2008), proses penuaan adalah merupakan satu proses semulajadi di mana berlakunya perubahan fizikal, sosial dan psikologi. Proses penuaan ini tidak semestinya dikaitkan dengan penyakit. Ia merupakan satu proses sepanjang hayat yang berlaku semenjak seseorang insan itu dilahirkan.

### **2.3 Sejarah Perkembangan Ke Arah Penubuhan Rumah Warga Tua**

Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan (2006), Kerajaan Tentera British amat sensitif dengan keperluan hidup rakyat yang menjadi sasaran utama terutamanya rakyat Kelantan. Dengan objektif yang jelas Kerajaan Tentera British menubuhkan Rumah Kebajikan di Kubang Kerian, Kota Bharu. Rumah Kebajikan ini memberi pembelaan kepada warga tua dan kanak-kanak pada era sebelum tahun 1950. Pada tahun 1952, tapak baru telah dikenal pasti. Kawasan seluas 30 ekar di Kemumin, Pengkalan Chepa telah dipilih. Pada tahun 1952, di tapak inilah sebanyak 20 blok bangunan didirikan dan rumah ini dibuka untuk penempatan semula kumpulan sasar iaitu golongan warga tua dan miskin, cacat serta kanak-kanak khususnya anak yatim piatu. Kumpulan sasar ditempatkan berasingan mengikut blok kawasan. Penghuni cacat diberi latihan untuk berdikari manakala kanak-kanak diberi pendidikan secara formal. Perasmian pembukaan rumah ini dimasyhurkan oleh DYTM Tengku Mahkota Kelantan iaitu Tengku Yahya Petra Ibn Sultan Ibrahim pada Mei 1953.

Pada tahun 1960-an beberapa tragedi peperangan saudara berlaku di negara-negara jiran. Akibatnya, ramai rakyat mereka telah lari untuk mendapat perlindungan di Malaysia. Sebahagian pelarian ini ditempatkan di rumah ini sementara mereka dipindahkan ke negara ketiga atau pulang semula ke negara masing-masing. Menjelang tahun 70-an, satu lagi aspek masalah sosial telah dikenal pasti. Ada rakyat telah kehilangan harta benda dan tidak berupaya berdikari. Selain itu, mereka juga tiada tempat untuk mengadu nasib serta mendapat bantuan. Pihak berkuasa amat prihatin terhadap mereka. Pada tahun 1977, Akta Orang Papa telah diperkenalkan. Melalui akta inilah orang papa yang memenuhi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan diterima sebagai penghuni rumah ini. Untuk memberi pembelaan yang sesuai kepada anak-anak yatim, pihak berkuasa telah membuat keputusan untuk menempatkan mereka di Rumah Kebajikan yang boleh memberi keselesaan mengikut keperluan mereka.

#### **2.4 Rumah Kebajikan Warga Tua di Malaysia**

Rumah kebajikan warga tua di Malaysia terdiri daripada rumah kebajikan warga tua yang ditadbir oleh kerajaan sektor-sektor swasta serta badan-badan sukarela. Rumah kebajikan warga tua yang ditadbir oleh kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) seperti pihak sukarela merupakan penempatan secara percuma iaitu tidak berorientasikan keuntungan. Terdapat dua jenis institusi yang bertanggungjawab dalam memberi perlindungan kepada warga tua di Malaysia iaitu pusat jagaan berkediaman dan tempat kediaman khusus seperti *residential homes* (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2008).

##### **2.4.1 Pusat Jagaan Berkediaman**

Pusat jagaan berkediaman merupakan pusat jagaan yang menempatkan empat atau lebih penghuni yang tidak mempunyai pertalian saudara dengan pengendali untuk perkhidmatan penjagaan samada berasaskan upah atau sebaliknya. Pusat jagaan



harian merupakan satu kemudahan harian yang menyediakan kemudahan-kemudahan mengikut keperluan warga tua seperti riadah, fizikal, mental dan sosial serta lain-lain keperluan harian yang asas. Walau bagaimanapun, kemudahan yang disediakan adalah bergantung kepada situasi dan keperluan masyarakat setempat. Di samping itu, pusat jagaan harian juga merupakan premis yang menerima empat atau lebih penghuni yang tidak mempunyai pertalian saudara dengan pengendali pusat jagaan tersebut (Nor Adila, 2007).

#### **2.4.2 Tempat Kediaman Khusus *Residential Homes***

Warga tua yang dijaga boleh tinggal di tempat kediaman khusus untuk jangka masa pendek atau lebih panjang. Ini bergantung kepada keupayaan penjaga untuk memberi jagaan yang lebih baik. Tempat kediaman ini mempunyai aktiviti yang teratur mengikut jadual yang sesuai untuk golongan warga tua. Tempat kediaman khusus ini merupakan institut jagaan sementara yang menyediakan rawatan untuk warga tua yang terlantar atau memerlukan penjagaan yang lebih khusus (Nor Adila, 2007).

#### **2.5 Teori Sosial**

Menurut Farganis, J. (2011), teori-teori sosial adalah rangka kerja bukti empirik yang digunakan untuk mengkaji dan mentafsir fenomena sosial. Teori sosial sebagai satu disiplin yang berbeza muncul dalam abad ke-20 dan sebahagian besarnya disamakan dengan sikap pemikiran kritikal berdasarkan rasional, logik dan objektif dan keinginan untuk memperolehi ilmu. Dengan ini, ia adalah mudah untuk menghubungkan teori sosial kepada perbincangan falsafah yang mendalam bagi memberi jaminan tanggungjawab dalam setiap manusia.

Dalam beberapa dekad yang lalu, sebahagian besarnya muncul sebagai tindak balas kepada pengkritikan pasca moden, teori sosial telah pun menekankan kehendak bebas, pilihan individu, penaakulan subjektif dan kepentingan peristiwa yang tidak menentu di tempat yang mempunyai keperluan tertentu. Teori Pilihan rasional dan

interaksionisme simbolik memberi dua contoh pembangunan yang lebih terkini iaitu keperluan palsu (*false necessity*) dan gambaran yang berbeza dalam kalangan ahli sosiologi sezaman, bahawa tiada perkara besar yang menyatukan undang-undang sejarah (*laws of history*). Keperluan palsu mendakwa bahawa dunia sosial muncul daripada usaha manusia. Tiada sebarang pengaturan pra-set institusi mengatakan bahawa masyarakat perlu mematuhi acuan sejarah pembangunan, sebaliknya kita bebas untuk memilih dan mewujudkan persekitaran di mana keperluan masyarakat disediakan dengan sepenuhnya (Farganis, J., 2011).

### 2.5.1 Teori Sosiologi Penuaan

Menurut Kenneth, A. (2011), lelaki dan wanita tua yang paling berpuas hati dengan hidup adalah mereka yang terdiri daripada golongan yang mencapai *integration of straits* dari segi budaya. Daripada kajian yang dijalankan, didapati bahawa lelaki dan wanita tua akan mempunyai ciri-ciri jantina yang bertentangan pada satu masa. Sebagai contoh, lelaki tua akan menonjolkan ciri-ciri wanita yang lembut sedangkan wanita menonjolkan ciri-ciri lelaki yang ganas setelah mereka telah tua. Penuaan membawa kepada keadaan di mana seseorang individu tersebut tidak boleh menyesuaikan diri dengan persekitaran tetapi penyesuaian diri boleh dicapai melalui aktiviti harian. Teori menyatakan bahawa walaupun penuaan terpaksa berdepan dengan perubahan psikologi, anatomi dan status kesihatan tetapi keperluan psikologi dan sosial tetap sama pada dasarnya. Dunia sosial mengasingkan diri dengan golongan warga tua menyebabkan mereka sukar untuk memenuhi keperluan psikologi dan sosial.

Terdapat tiga masalah dari segi teori (*theoretical problems*) dikenalpasti melalui pendekatan aktiviti sosial iaitu golongan warga tua mempunyai banyak kawalan ke atas keadaan sosial mereka, warga tua tidak dapat menyesuaikan diri apabila perspektif aktiviti menekankan kestabilan keperluan psikologi dan sosial melalui fasa dewasa kitaran hidup serta jangkaan warga tua yang salah iaitu sesuatu jenis aktiviti boleh menggantikan kehilangan penglibatan dalam kerjaya, perkahwinan dan keibubapaan. Teori sosial juga menyatakan bahawa individu yang mempunyai sumber-sumber seperti kesihatan, kewangan yang stabil dan sokongan

## RUJUKAN

- Adila, N. (2007). *Penyediaan fasiliti di rumah kebajikan orang tua*. Universiti Tun Hussein Onn (UTHM): Sarjana Muda.
- Ahmad, S. (1991). *Cadangan Merekabentuk Taman Kediaman Warga Kanan di Bandar Baru Tun Razak Kuala Lumpur*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Alwin, D.F., Converse, P.E. & Martin, S.S. (1985). *Living Arrangement and Social Intergration*. *Journal of Marriage and the Family*, 47: 319-332.
- Aminah C.J. (2010). *Warga Emas*. Dicapai pada Julai 19, 2010 dari <http://pengajianamkertas2-cikgusue.blogspot.com/2009/10/warga-emas.html>.
- Ann, G., Jonathan, P., Lisa, R. & Vivien, S. (2000). *A society for all ages: the UN year for older persons campaign*. *An international Journal of Ageing*. 5(4). MCB University Press.
- Asiah A.R. (2006). *Keperluan Pengguna Dan Rekabentuk Bangunan Untuk Warga Tua di Malaysia*. Selangor: Universiti Antarabangsa Malaysia.
- Berube, B. (1981). *Barrier-free design - making the environment accessible to the disabled*. *Journal of CMA*. 124.
- Bedner, M.J. (1977). *Barrier Free Environment*. Dowden, Hutchinson & Inc.
- British Institute of Facilities Management, BIFM (2011). *Facilities Management Introduction*. Dicapai pada November 6, 2011 dari <http://www.bifm.org.uk/bifm/about/facilities>.

- British Standard BS8300:2009 (2011). *Design of Buildings and Their Approaches to Meet the Needs of Disabled People-Code of Practice*. Dicapai pada November 5, 2011 dari <http://www.1066ha.co.uk/booklet1.pdf>.
- Cahill, S & Diaz, A. (2010). *Quality of Life :The Priorities of Older People with a Cognitive Impairment*. Dicapai pada Mei 31, 2010 dari <http://www.aabri.com/manuscripts/09386.pdf>.
- Centers for Medicare & Medicaid Services (2011). *Improving Nursing Home Compare for Consumers: Five-Star Quality Rating System*. Dicapai pada Disember 19, 2011 dari <https://www.cms.gov/CertificationandCompliance/Downloads/consumerppt.pdf>.
- Chen, P.C.Y. (2002). *The Elderly Malaysian*. Malaysia Medical Association. Dicapai pada Julai 19, 2012, dari [http://www.mma.org.my/info/4\\_elderly\\_84.htm](http://www.mma.org.my/info/4_elderly_84.htm)
- Chua, Y.P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: McGraw Hill.
- Creecy, R.F., Berg, W.E., & Wright, R. (1985). *Loneliness Among The Elderly: A Causal Approach*. Journal of Gerontology, 40: 487-493.
- Cotts, D. G & Lee, M. (1992). *The Facility Management Handbook*. New York: Amacon.
- Ellis, M. (2006). *Quality of Life*. Journal of Age and Ageing. 2(1). Dicapai pada Mei 31, 2010 dari [http://www.me-jaa.com/mejaa6/mejaa6\\_qualityoflife.pdf](http://www.me-jaa.com/mejaa6/mejaa6_qualityoflife.pdf).
- Euehun, L. & Karen, M.G. (2004). *Preferences for Korean seniors housing*. Journal of Property Investment & Finance. 22(1). Dicapai pada Mac 2, 2010 dari doi 10.1108/14635780410525171.
- Farganis, J. (2011). *Readings in Social Theory: The Classic Tradition to Post-Modernism*. New York: McGraw-Hill.
- Hafizah, I. (2012). *Bilangan Warga Emas Bertambah*. Berita Harian. Dicapai pada Julai 19, 2012, dari [http://202.187.17.12/~kpwkm/new\\_index.php?page=news\\_content&newsID=374&lang=malay&pages=21](http://202.187.17.12/~kpwkm/new_index.php?page=news_content&newsID=374&lang=malay&pages=21)
- Halim, A. (2006, November 18). *Dasar warga tua perlu dinilai semula*. Utusan Malaysia. Dicapai pada Mac 19, 2010, dari <http://blis.bernama.com/mainHome.do>.

- Hampshire Country Council (2010). *Consulation Draft: A Housing Strategy for Older People*. Social Services Department. Dicapai pada Februari 2, 2010 dari [http://whqlibdoc.who.int/hq/1998/WHO\\_HPR\\_AHE\\_98.1.pdf](http://whqlibdoc.who.int/hq/1998/WHO_HPR_AHE_98.1.pdf) .
- Hamzat, T.K. & Dada, O.O. (2005). *Wheelchair Accessibility of Public Buildings in Ibadan, Nigeria*. *Journal of Asia Pacific Disability Rehabilitation*. 16(2). Dicapai pada Jun 22, 2010 dari <http://www.aifo.it/english/resources/online/apdrj/apdrj205/wheelchair.pdf>.
- Hannah, P. & Jennifer, B. (1994). *Care of the Elderly and Occupational Health for Staff in Local Nursing Home: Quality Issues*. *International Journal of Health Care Quality Assurance*, 7(3). 21-26. Dicapai pada Mac 1, 2010 dari MCB University Press Limited.
- Harris, B. (2011). *Accessibility: Concepts and Applications*. *Journal of Transportation and Statistics*. 4(2/3). Dicapai pada November 6, 2011 dari [http://www.bts.gov/publications/journal\\_of\\_transportation\\_and\\_statistics/volume\\_04\\_number\\_23/paper\\_02/index.html](http://www.bts.gov/publications/journal_of_transportation_and_statistics/volume_04_number_23/paper_02/index.html).
- Hoyt, D.R., Kaiser, M. A., Peters, G. R., & Babchuk, N. (1980). *Life Satisfaction and Activity Theory: A Multidimensional Approach*. *Journal Of Gerontology*, 35 : 935-941.
- Humayun, K. (2010). *Gubal Undang-Undang Lindung Ibu Bapa Berusia*. Malaysiakini. Dicapai pada Mei 15, 2010 dari <http://www.malaysiakini.com/news/126642>.
- Inaki, H., Ernesto, C. & Jon, I. (2007). *Quality management dan quality of care in nursing homes*. *International Journal of Health care Quality Assurance*. 21(7). 659-670. Dicapai pada Mac 1, 2010 dari doi: 10.1108/09526860810910131.
- International Facility Management Association, IFMA (2011). *Definition of Facility Management*. Dicapai pada November 6, 2011 dari <http://www.ifma.org/resources/what-is-fm/default.htm>.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2008). *Orang Papa*. Dicapai pada Julai 24, 2010 dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia: [http://www.jkm.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=392&Itemid=74&lang=ms](http://www.jkm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=392&Itemid=74&lang=ms).

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak (2007). *Dasar Kebajikan Masyarakat Negara*. Dicapai pada Januari 27, 2010 dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak:

[http://kebajikan.perak.gov.my/jkm\\_stackakta.php?n=dasar1](http://kebajikan.perak.gov.my/jkm_stackakta.php?n=dasar1).

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak (1999, November). *Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara*. Dicapai pada Januari 27, 2010, dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak:

[http://kebajikan.perak.gov.my/jkm\\_stackakta.php?n=dasar2](http://kebajikan.perak.gov.my/jkm_stackakta.php?n=dasar2).

Jabatan Perangkaan Malaysia (2007). *Penduduk mengikut kumpulan umur dan jantina*. Dicapai pada Januari 21, 2010, dari Jabatan Perangkaan Malaysia:

[http://www.jpm.gov.my/ab\\_docs/aces120.shtml?/jpm/index.pdf](http://www.jpm.gov.my/ab_docs/aces120.shtml?/jpm/index.pdf).

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan (2006). *Warga Tua*. Dicapai pada Januari 21, 2010 dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan:

[http://jkm.kelantan.gov.my/orang\\_tua.htm](http://jkm.kelantan.gov.my/orang_tua.htm).

Jabatan Kebajikan Perkhidmatan Am Sabah (2011). *Rumah Warga Tua*. Dicapai pada Ogos 2, 2011, dari Jabatan Kebajikan Perkhidmatan Am Sabah:

<http://www.sabah.gov.my/jpka/institusi/khidmat%20rwt.html>.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2011, Februari). *Buletin Perangkaan Sosial Malaysia*. Dicapai pada Februari 15, 2011, dari Jabatan Perangkaan Malaysia:

[http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com\\_content&view=article&id=353&Itemid=111&lang=bm](http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=353&Itemid=111&lang=bm)

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (2011). *Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (Universal Design)*. Dicapai pada November 5, 2011 dari

[http://issuu.com/anwar\\_townplan/docs/gp\\_universal\\_design-printing-09062011#download](http://issuu.com/anwar_townplan/docs/gp_universal_design-printing-09062011#download)

Jabatan Perangkaan Malaysia (2012a). *Buletin Perangkaan Bulanan*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2012b). *Laporan Kiraan Permulaan, Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2010*. Dicapai pada Julai 17, 2012, dari Jabatan Perangkaan Malaysia:

[http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com\\_content&view=article&id=350%3Apreliminary-count-report-population-and-housing-census-malaysia-2010&catid=130%3Apopulation-distribution-and-basic-demographic-characteristic-report-population-and-housing-census-malaysia-2010&Itemid=154&lang=bm](http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=350%3Apreliminary-count-report-population-and-housing-census-malaysia-2010&catid=130%3Apopulation-distribution-and-basic-demographic-characteristic-report-population-and-housing-census-malaysia-2010&Itemid=154&lang=bm)

Jabatan Perangkaan Malaysia (2010). *Taburan Penduduk Mengikut Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan Mukim*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jacqueline, D. & Ramzi, N. (2008). *Quality of life and wellbeing of the elderly in Lebanese nursing homes*. *International Journal of Health Care Quality Assurance*. 23(1). 72-93. Dicapai pada Mac 1, 2010 dari doi 10.1108/09526861011010695.

Jameelah Zainuddin, Arokiasamy, J.T. & Philip, P. (2003). *Caregiving burden is associated with short rather than long duration of care for older persons*. *Asia-Pacific Journal of Public Health*, 15 (2):88-93.

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010 (2011). *Meningkatkan Tahap dan Kemampuan Kualiti Kemampunan Kualiti Hidup*. Dicapai pada November 5, 2011 dari

<http://www.epu.gov.my/html/themes/epu/html/mtr-rm9/bahasa/teras4.pdf>.

Keith, C. & Kevin, M. (2002). *Smart homes for people with restricted mobility*. *Journal of Property Management*. 20(2). Dicapai pada Mac 2, 2010 dari doi 10.1108/02637470210428356.

Kementerian Kesihatan Malaysia (2008). *Panduan Penjagaan Warga Emas*. Dicapai pada Januari 21, 2010 dari

[http://www.infosihat.gov.my/media/garisPanduan/GP\\_Warga%20Emas/GP\\_PanduanPenjagaWargaEmas.pdf](http://www.infosihat.gov.my/media/garisPanduan/GP_Warga%20Emas/GP_PanduanPenjagaWargaEmas.pdf).

- Kementerian Kesihatan Malaysia (2006). *Dasar Kesihatan Warga Emas Negara*. Dicapai pada Januari 21, 2010 dari Kementerian Kesihatan Malaysia: <http://fh.moh.gov.my/uploads/DasarKesihatanWargaEmas.pdf>.
- Kenneth, A. (2011). *A Primer in Social and Sociological Theory: Towards a Sociology of Citizenship*. Los Angeles: Sage/Pine Forge.
- Khadijah Alavi, Rahim M. Sail, Khairuddin Idris, Asnarulkhadi Abu Samah & Christine Chan (2011). *Keperluan Sokongan Emosional Dalam Kalangan Anak Dewasa yang Menjaga Warga Tua*. *Jurnal e-Bangi*, 6(1), 102-114.
- Korina, K., David, B. & Peter, K. (2005). *Mapping care pathways for the elderly*. *Journal of Health Organization and Management*, 57-72. Dicapai pada Mac 1, 2010 dari doi: 10.1108/14777260510592130.
- Ling, O.H.L. & Tee, S.F. (2000). *Reka Bentuk Pengangkutan yang 'Barrier-Free'*. Seminar Kebangsaan Perancangan Bandar dan Wilayah Kali Ke-18. Johor: Universiti Teknologi Mara. 128-137.
- Malaysia (1976). *Akta Perancang Bandar dan Desa. 1976 (Akta 172)*.
- McClelland, K.A. (1982). *Self-Conception and Life Satisfaction: Integrating Aged Subculture and Activity Theory*. *Journal of Gerontology*, 35: 626-628.
- Miyabayashi, I., Mitsunaga, B.K. & Miyawaki, M. (1999). *Implementation of Home Health Care Nursing Education in Japan*. *Yonago Acta Medica*. Dicapai pada Julai 29, 2010 dari [http://lib.med.tottori-u.ac.jp/yam/bef\\_41/yam42-3/42\\_211-215.pdf](http://lib.med.tottori-u.ac.jp/yam/bef_41/yam42-3/42_211-215.pdf).
- Munirah, S. (2001, Januari 4). *Rumah persaraan jaga kebajikan warga emas*. *Berita Harian*. Dicapai pada Mac 19, 2010, dari <http://blis.bernama.com/mainHome.do>.
- Novak, M (2006). *Issues in Aging: An Introduction To Gerontology*. United States of America: Pearson Education, Inc.
- Osman, M.T. (2004). *Warga Tua: Antara Masalah Semasa dan Masa Depan dalam Globalisasi, Patriotisme dan Isu-isu Kemasyarakatan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 127-129.
- Razali, W.A. (1997). *Cadangan Rumah Orang-Orang Tua di Bedong, Kedah*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.



- Richardson, S. et al. (2005). *How To Research: A Guide for Undergraduate & Graduate Students*. Singapore: Thomson Learning. 12-13.
- Sapri, M. & Baba, M. (2008). *Penyumberan Luar dalam Pengurusan Fasiliti: Pengurusan Fasiliti, Model Malaysia*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Mara (UTM)
- Saw, S.H. (2007). *The Population of Malaysia and The population of Peninsular. Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Shahir, S. (2007). *Memorandum Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia*. Dicapai pada Januari 27, 2010, dari Kesatuan Sekerja Malaysia:  
[http://67.59.173.161/cst4/docs/bkageing\\_Malaysia.pdf](http://67.59.173.161/cst4/docs/bkageing_Malaysia.pdf).
- Sharifah, N. dan Murugappiria, S. (2000). *Perancangan Bandar Selamat bagi Golongan Istimewa Peranan Jururancang*. Seminar Kebangsaan Perancangan Bandar dan Wilayah Kali Ke-18. Johor: Universiti Teknologi Mara. 64-74.
- Sharifuddin, R.L. (2005, Oktober 2). *Kebajikan warga emas dijaga*. Utusan Malaysia. Dicapai pada Mac 19, 2010, dari <http://blis.bernama.com/mainHome.do>.
- Shields, T.F., Boyce, K.E. & Silcock, G.W. (1999). *Facilities management disability and emergency evacuation*. 17(9/10). 345-351. MCB University Press.
- SIRIM: MS 1184:2002, *Code of Practice for Access for Disabled People to Public Buildings (2009)*. Department of Standards Malaysia.
- SIRIM: MS 1331: 2003, *Code of Practice for Access for Disabled People Outside Buildings (2009)*. Department of Standards Malaysia.
- SIRIM:MS 1183: 2002, *Code of Practice for Means of Escape for Disable People (2009)*. Department of Standards Malaysia.
- Sitoh, Y.Y. (2003). *Nursing Homes in Singapores: A Quiet Evolution*. Journal of the Singapore Medical Association. Dicapai pada Februari 1, 2010 dari <http://www.bc.edu/schools/cas/sociology/meta-elements/pdf/ChoThesis.pdf>.
- Som, H. M. (2005). *Panduan Mudah Analisis Data Menggunakan SPSS Windows*. Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia.
- Susannah, R. & Denise, W. (1998). *Catering for older people in residential care homes*. The Journal of Nutrition & Food Science.1, 30-37. Dicapai pada Mac 1, 2010, dari MCB University Press.

- Syed Izzaddin (2003, Mei 20). *Better care at all old folks' homes*. News Strait Times. Dicapai pada Mac 23, 2010, dari <http://blis.bernama.com/mainHome.do>.
- Tiawa, D.H. et al. (2011). *Aplikasi Perisian Nvivo dalam Analisis Data Kualitatif*. Dicapai pada Ogos 4, 2011, dari [http://eprints.utm.my/2220/1/p24.Dayang\\_Hjh\\_Tiawa.pdf](http://eprints.utm.my/2220/1/p24.Dayang_Hjh_Tiawa.pdf).
- Thomas, W.H. (2004). *How Elders Will save The World: What are Old People For?* London: Vander Wyk & Burnham.
- Ward, R.A. (1985). *Informal Networks and Well-Being in Later Life: A Research Agenda*, Gerontologist, 25: 55-61.
- WINKS Statistical Software (2011). *Mann-Whitney Test*. Dicapai pada November 7, 2011 dari <http://www.texasoft.com/winkmann.html>.
- World Assembly On Ageing. (1982). *Report on the World Assembly On Ageing*, Vienna. Australasian Journal on Ageing, 1(4), 13-14.
- World Health Organization (2008). *Age-Friendly Primary Health Care Centres Toolkit*. Dicapai pada Mei 27, 2010, 97-100 dari [http://www.who.int/ageing/publications/AF\\_PHC\\_Centretoolkit.pdf](http://www.who.int/ageing/publications/AF_PHC_Centretoolkit.pdf).
- United Nations Centers for Human Settlements (1993). *Improving The Quality of Life The Elderly and Disabled People in Human Settlements*. Dicapai pada Jun 4, 2010 dari <http://www.univie.ac.at/impactofageing/pdf/noveria.pdf>.
- Utusan Malaysia (1999, Januari 28). *286 warga tua di rumah kebajikan ada keluarga*. Dicapai pada Mac 19, 2010, dari <http://blis.bernama.com/mainHome.do>.
- Zaini, S.M. (2000). *Keberkesanan Program Penempatan Warga Tua di Rumah Kebajikan Kenangan, Taiping, Perak darul Ridzuan*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Zakaria, H., Arifin, K., Ahmad, S, Aiyub, K & Fisal, Z. (2012). *Pengurusan Fasiliti Dalam Penyelenggaraan Bangunan: Amalan Kualiti, Keselamatan dan Kesihatan*. Journal of Techno-Sosial, 2(1), 23-25.